

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	4/3/2011

Gillard: Najib adalah rakan Australia

CANBERRA 3 Mac - Perdana Menteri Australia, Julia Gillard pada Khamis menyifatkan Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Najib Tun Razak sebagai rakan Australia dan seorang pemimpin di rantau ini.

Komen beliau itu dibuat selepas kedua-dua pemimpin mengambil rostrum masing-masing untuk sidang akhbar bersama selepas menyertai mesyuarat tertutup dan dua hala di mana kerjasama dan hubungan membabitkan kedua-dua buah negara dibincangkan.

"Perdana Menteri bersama saya sekarang adalah seorang rakan bagi Australia dan seorang pemimpin di rantau ini," katanya.

Najib berada di Australia untuk lawatan rasmi tiga hari atas jemputan Gillard sebagai membalas lawatan rasmi beliau ke Malaysia tahun lepas.

Sementara itu, pada majlis makan tengah hari sempena lawatan Najib, Gillard menyifatkan Najib sebagai contoh dalam usaha menentang extremism dan yang menjunjung tinggi nilai-nilai Islam yang sebenar.

"Dan saya hormati kepimpinan



NAJIB Tun Razak dan Rosmah Mansor bersama Governor-General of the Commonwealth of Australia, Quentin Bryce (dua kanan) dan suaminya Michael Bryce (kiri) semasa kunjungan hormat ke Government House di Canberra, semalam.

- BERNAMA

anda bagi gerakan global bagi pendekatan sederhana," katanya.

Gillard menjelaskan bahawa la-

watan Najib ke Australia merupakan satu peristiwa penting dalam satu hubungan persahabatan yang

begitu lama antara Australia dan Malaysia.

"Saya berterima kasih kepada an-

da atas lawatan ini. Satu lawatan bagi persefahaman, dialog dan kerjasama," katanya.

Gillard juga menjelaskan bahawa lawatan Najib dilakukan selepas lawatannya ke Malaysia tahun lepas.

"Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih atas perhatian anda yang tidak sempat bertemu saya pada masa itu dan kerana meluangkan masa untuk menelefon," katanya.

"Dalam memilih Malaysia sebagai negara serantau yang pertama untuk melakukan lawatan bilateral sebagai Perdana Menteri, saya mahu memberi isyarat betapa kami menghargai hubungan dengan Malaysia," katanya.

Gillard berkata beliau juga mahu menegaskan mengenai betapa mendalamnya komitmen pendirian Australia bagi hubungan serantau.

"Dan untuk semua ini kita akan dapat mencapainya secara bersama sebagai rakan kongsi dan kawan.

"Hubungan kita akan terus bertahan dan ia adalah kukuh," katanya. - BERNAMA